

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : JPSWPKL (SH) / PLSK / 41 / 2022
TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA PENSTABILAN HAKISAN TEBING DENGAN LAPISAN BATU 'ARMOUR ROCK' DI OUTLET GATE CG3 SUNGAI BATU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G1	CE	CE 21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam DAN CE 36 - Kerja-kerja Tanah

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **01 Jun 2022 (Rabu)** hingga **08 Jun 2022 (Rabu)**.
4. Dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, **PENAMA** kontraktor hendaklah membawa sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **01 Jun 2022 (Rabu)** hingga **08 Jun 2022 (Rabu)** sebelum jam **12.00** tengahari.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun kontraktor boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri dengan sentiasa mengambil perhatian dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer serta pemakaian pelitup muka perlu diteruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **08 Jun 2022 (Rabu)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar Dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lwatnya pada pukul 12.00** tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.

.....
Nama **ZUL BIN MOHAMMAD**
Jawatan **Pengarah Operasi**
Pusat **Lembangan Sungai Klang**
Jabatan **Pengairan dan Saliran**

27.5.2022